

# Bengkel FPSK Tambah Baik Pelan Strategik

Terakhir dikemaskini: Isnin, 04 Februari 2019 18:27 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 458

[Kongsi 0](#)
[Syorkan 0](#)
[Kongsi](#)
[Tweet](#)
[Share](#)


**ISNIN, 04 FEBRUARI** - Bengkel Hala Tuju Strategik Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) telah berlangsung baru-baru ini di UMS.

Menurut Timbalan Pendaftar FPSK, Hasmi Hashim, bengkel itu bagi menetapkan hala tuju lima tahun sehingga 2022.

“Bengkel ini telah disertai semua kakitangan Eksekutif FPSK iaitu Timbalan-timbalan Dekan, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Hospital UMS, Pengarah Pusat Penyelidikan Perubatan dan Kesihatan Borneo (MEDHREC) serta semua Pegawai P&P fakulti.

”Antara pengisian bengkel ialah melihat dan menambah baik prestasi semasa

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi lima segmen utama iaitu segmen akademik dan antarabangsa, penyelidikan dan pascasiswazah, hal ehwal pelajar dan jaringan komuniti serta bahagian pentadbiran berdasarkan kepada Sembilan Bidang Keberhasilan Utama UMS (UMS-KRA),” katanya yang juga merupakan penyelaras program.

Sementara itu, Dekan FPSK, Prof. Dr. Mohammad Saffree memaklumkan bahawa bengkel tersebut akan membawa kepada pembentukan dan pemantapan hala tuju strategik fakulti berdasarkan kepada Pelan Strategik UMS 2018-2022.

“Penganjuran bengkel ini amat bertepatan kerana sememangnya amalan perbincangan untuk menambah baik sesuatu perkara adalah wajar untuk diamalkan berterusan.

“Semoga hasil daptan daripada bengkel ini akan memacu fakulti ke hadapan dan memberi manfaat kepada universiti secara keseluruhannya,” ujar beliau.